

|           |                |
|-----------|----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN  |
| Date      | 26 AUGUST 2016 |

# PM lancar Dasar Harta Intelek Iskandar Malaysia

→ Garis panduan kawal selia  
penggunaan tanda nama berdaftar

## Putrajaya

**P**erdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam melancarkan Dasar Harta Intelek Iskandar Malaysia yang akan berfungsi sebagai garis panduan bagi mengawal selia penggunaan tanda nama berdaftar Iskandar Malaysia.

Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Datuk Ismail Ibrahim, dalam satu kenyataan berkata, dasar itu diperkenalkan susulan minat pelabur dan rakan kongsi strategik yang mahu membawa jenama Iskandar, Malaysia dalam nama dan projek mereka.

"Iskandar Malaysia merekodkan tahap kesedaran tinggi dalam tempoh lima tahun lalu dan ini menyumbang kepada peningkatan jenama itu pada hari ini dan seiring dengannya, kami melihat peningkatan minat daripada pelbagai pihak yang mahu dikaitkan dengan jenama Iskandar Malaysia," katanya.

Kenyataan itu dikeluarkan bersempena dengan mesyuarat Ahli-Ahli Autoriti IRDA Ke-20 yang di-

pengerusikan Perdana Menteri di Perdana Putra, di sini, semalam.

Ismail berkata, penjenamaan kukuh Iskandar Malaysia itu disumbang oleh kejayaan wilayah berkenaan meraih pelbagai pencapaian terutama dalam menarik pelaburan pemangkin dan menerajui ke arah menjadi wilayah pintar.

### Sejajar pelaksanaan DHIN

"Keputusan untuk memulakan Dasar Harta Intelek Iskandar Malaysia itu adalah sejajar pelaksanaan Dasar Harta Intelek Negara (DHIN) Kerajaan Persekutuan," katanya.

Beliau berkata, IRDA sebagai pihak berkuasa kawal selia yang diberi mandat untuk merancang, mempromosi dan memudahkan pembangunan Iskandar Malaysia, mempunyai maklumat dan pengetahuan banyak strategi, rancangan dan pelan tindakan yang sebahagiannya dihasilkan dan diterbitkan.

"Dengan semua harta intelek yang ada di tangan, IRDA menyedari ia adalah aset yang amat bernilai dan penggunaan dan eksploitasinya perlu dikawal selia de-

ngan rapat bagi memastikan ia eksklusif dan unggul," katanya.

IRDA juga berkata, Iskandar Malaysia akan meneruskan usahanya menjadikan wilayah ekonomi itu sebuah 'bandar pintar' dengan manual sistem Penilaian Komprehensif Kecekapan Alam Sekitar Binaan (CASBEE) yang baru dikeluarkan.

### Pulihara alam sekitar

Projek perintis itu yang bermula pada Ogos tahun lalu dan selesai pada Mei tahun ini adalah instrumen penilaian untuk menggalakkan pemilik dan pemaju bangunan agar memulihara alam sekitar.

Mengulas mengenai CASBEE, Ismail berkata ia berjaya digunakan di lebih 1,700 majlis perbandaran di Jepun sebagai instrumen penilaian untuk menggalakkan pembangunan hijau.

Iskandar Malaysia juga memulakan Iskandar Malaysia Urban Observatory (IMUO), tingkap tunggal di mana maklumat dan data dikutip, disimpan dan dianalisis dalam persekitaran bandar pintar.

BERNAMA

BH  
- 26/8/2016